

# Kementerian teliti isu sukar dapat tempat latihan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan akan meneliti isu kelewatan dan kesukaran graduan pergigian untuk mendapatkan tempat menjalani latihan Program Pegawai Pergigian Baharu (NDOP).

Pada masa ini, kerajaan menghadapi sedikit kekangan dari segi bilangan perjawatan dalam perkhidmatan awam, termasuk untuk NDOP, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye.

Bagaimanapun beliau berkata, setakat ini negara masih memerlukan ramai doktor gigi dan jumlah

sekarang masih tidak mencapai sasaran ditetapkan.

"Kalau kita lihat keperluan doktor gigi di Malaysia, kita belum mencapai sasaran. Tetapi, jumlah perjawatan doktor gigi yang ada dalam perkhidmatan memang agak terhad," katanya ditemui media selepas Program Hari Diabetes X CPR 2019, di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

BH semalam melaporkan wujud kelewatan dan kesukaran mendapat tempat latihan NDOP bagi graduan pergigian, menyebabkan

**Kerajaan memang tidak mampu menyerap semua doktor gigi yang ada tetapi saya rasa masih ada ruang (peluang kerjaya) yang besar di swasta.**

**Dr Lee Boon Chye,  
Timbalan Menteri Kesihatan**



**BHTV**

mereka perlu menunggu lama untuk bergelar doktor gigi.

Mengulas lanjut, Boon Chye menjelaskan, graduan pergigian tidak perlu bimbang memandangkan peluang pekerjaan bagi mereka di negara ini masih terbuka luas.

"Di pihak swasta masih ada keperluan. Jadi, apabila habis belajar, mereka bebas untuk terus ke swasta.

"Kerajaan memang tidak mampu menyerap semua doktor gigi

yang ada, tetapi saya rasa masih ada ruang (peluang kerjaya) yang besar di swasta," katanya.

Sementara itu, beliau mahu Program Celik Bantuan Pernafasan Kecemasan (CPR) perlu di perluaskan kepada masyarakat.

"CPR ini penting dan harus di berikan dalam lingkungan masa empat minit kepada mangsa dan ini tidak mungkin dilakukan oleh petugas ambulans.

"Jadi komuniti CPR penting dan menjadi dasar kementerian sejak 2006 mewujudkan modul latihan CPR untuk komuniti," katanya.